

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 22 JUN 2009, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 27

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-022-L19796
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tentang Dasar Automotif Nasional dalam memastikan kewujudan usahawan Bumiputera dalam industri automotif termasuk dari segi pemberian AP hanya kepada mereka yang benar-benar layak dan terlibat dalam industri tersebut.
2. PR-022-L19053
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kajian yang dibuat oleh SUHAKAM mengenai hak seorang anak untuk memilih agamanya sepertimana Artikel 14 Convention on the Rights of the Child (CRC).
3. PR-022-L18833
Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil terhadap proses pengambilalihan kepimpinan persatuan belia yang dihadkan kepada mereka yang berusia 40 tahun ke bawah berdasarkan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 yang terbaru, adakah pihak Kementerian telah berpuas hati dengan proses tersebut dan apakah langkah Kementerian bagi memastikan persatuan ini dapat dipacu dengan sebaik mungkin.
4. PR-022-L19764
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa pengumuman laporan skandal Port Klang Free Zone (PKFZ) ditunda-tundakan sungguhpun beliau telah berjanji kepada rakyat bahawa tidak akan merahsiakan apa-apa kelemahan atau kesalahan yang terlibat dalam skandal yang melibatkan dana awam yang dipercayai sehingga sejumlah RM12 bilion.

5. PR-022-L19826
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah Ekspo Perdagangan Barang-barang Buatan Malaysia anjuran Kementerian yang dibuat dari negeri-negeri berjaya.
6. PR-022-L18786
Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mengubah dasar berita di RTM dan program-program maklumat supaya penonton melihat ianya lebih berwibawa, merata liputan dan tidak tertumpu kepada pihak-pihak tertentu sahaja. Kepakaran siapakah digunapakai dalam mengendalikan maklumat dan berita di RTM.
7. PR-022-L19633
Datuk Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah sumbangan serta peranan Malaysia dalam penggubalan ASEAN Charter dan adakah Kementerian tidak bercadang untuk melibatkan Ahli Parlimen dalam menyumbangkan cadangan mereka.
8. PR-022-L18534
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
 - (a) berapakah jumlah kematian akibat kemalangan yang melibatkan bas ekspres dan bas pelancongan sejak tahun 2000; dan
 - (b) tidakkah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mengenakan syarat bagi mewajibkan semua bas ekspres dan bas pelancongan mengunci mekanisme pedal minyak agar tidak melebihi had laju yang dibenarkan.
9. PR-022-L19644
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jaminan Kerajaan terhadap golongan usahawan Bumiputera berikutan langkah pelaksanaan liberalisasi ekonomi secara besar-besaran di negara ini.
10. PR-022-L18652
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah tindakan diambil secara bersungguh-sungguh terhadap majikan yang melanggar hak pekerja (Union Busting) yang diperuntukkan di bawah Akta Perusahaan 1967.

11. PR-022-L19725
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan usaha membela nasib Bumiputera termasuk menerusi Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang kini diserapkan di bawah Kementerian.
12. PR-022-L19882
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapakah Akta Eksais diletakkan di bawah bidang kuasa Majlis Daerah dan bukannya di bawah Yang Dipertua Majlis Perbandaran. Bukankah Majlis Perbandaran mempunyai kuasa yang lebih terus ke atas isu-isu yang termaktub dalam Akta Eksais berbanding dengan Majlis Daerah.
13. PR-022-L18404
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha konkrit untuk menyusun semula guna tenaga di sektor swasta agar mencerminkan komposisi kaum bagi setiap industri dan kumpulan pekerjaan dan apakah hasilnya.
14. PR-022-L19534
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan memperuntukkan golongan OKU untuk diberikan keutamaan bagi menunaikan haji sepertimana yang dinikmati oleh setiap warga emas.
15. PR-022-L19555
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah pihak Kementerian dan Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak mempunyai wang peruntukan dari Pakej Ransangan Ekonomi Ke-2 untuk membina semula atau membaik pulih infrastruktur Sekolah Skim Rancangan Sepupok memandangkan keadaan tempat tinggal guru dan pelajar di sekolah tersebut dalam keadaan daif.
16. PR-022-L19172
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mendirikan pejabat pos di kawasan Taman Dato' Harun dan Taman Medan, Petaling Jaya Selatan memandangkan terdapat permintaan orang ramai dan populasi penduduk di kawasan tersebut telah pun mencecah lebih dari 25,000 orang.

17. PR-022-L18531
Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sebab-sebab Lebu Raya Senai-Desaru tidak dapat disiapkan mengikut jadual (Ogos 2008). Bilakah lebu raya ini boleh diguna untuk mengurangkan kesesakan trafik harian yang serius di Lebu Raya Pasir Gudang.
18. PR-022-L20042
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tahap literasi digital (digital literacy) di kalangan belia di luar bandar.
19. PR-022-L18444
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) berapakah keluasan kawasan dan hasil pengeluaran industri pemeliharaan udang di Tawau, Sabah dan di seluruh Malaysia bagi tahun 2005 hingga 2009; dan
 - (b) apakah bantuan yang telah disediakan untuk pemeliharaan udang di Tawau dan Sabah dalam memerangi penyakit-penyakit udang dan meningkatkan pengeluaran.
20. PR-022-L18436
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan Malaysia tidak menghiraukan isu pembunuhan orang awam berbangsa Tamil secara beramai-ramai di Sri Lanka dan mempunyai sebab-sebab tertentu untuk menghalang perbincangan isu ini walaupun Parlimen Malaysia telah mengadakan perjumpaan tergepar bagi membahaskan isu pencerobohan Palestin.
21. PR-022-L19965
Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjung Manis] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam jangka masa yang terdekat ini untuk memastikan setiap penduduk luar bandar di kawasan Parlimen Tanjung Manis yang tidak mempunyai air bersih pada setiap musim kemarau dibekalkan dengan air bersih secukupnya.
22. PR-022-L18417
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana pelaksanaan dan tahap pencapaian khidmat online kepada pelanggan Jabatan Pengangkutan Jalan dapat membantu memperbaiki sistem penyampaian kepada rakyat.

23. PR-022-L19200
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pihak Kementerian mempunyai data pertambahan penduduk dan perancangan pro-aktif bagi pembinaan sekolah-sekolah baru sama ada Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Menengah yang selari dengan pertambahan penduduk di sesuatu kawasan khususnya di luar bandar.
24. PR-022-L19426
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah objektif dan fungsi Jabatan Pembangunan Persekutuan. Apakah ianya tidak dilihat:-
- (a) mencabuli prinsip Kerajaan Persekutuan dan menambah kos yang tidak sepatutnya; dan
 - (b) menolak mandat rakyat yang diberikan kepada Kerajaan negeri.
25. PR-022-L19911
Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan garis panduan yang digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi meluluskan tempat-tempat penternakan burung walit. Apakah tindakan yang akan diambil oleh PBT terhadap penternak yang melanggar syarat kelulusan.
26. PR-022-L19401
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendapatan bulanan 'mean' dan 'median' untuk tiap kategori pekerjaan mengikut pecahan bangsa dan jantina.
27. PR-022-L18728
Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap pihak yang telah membakar bendera Malaysia dalam satu kejadian di Sabah baru-baru ini dan apakah perkembangan dalam kes ini.
28. PR-022-L20034
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menaikkan syarat ekuiti pegangan Bumiputera di sektor lain apabila 27 sektor industri telah dikecualikan daripada syarat 30 peratus tersebut untuk mencapai 30 peratus ekuiti Bumiputera keseluruhannya.

29. PR-022-L18661
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) langkah-langkah untuk mengatasi kekurangan doktor pakar di hospital Kerajaan khususnya di kawasan bandar; dan
 - (b) jumlah bilangan (ikut kaum) yang mendapat Tabung Bantuan pada tahun 2008 dan 2009.
30. PR-022-L19781
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berikutan kes penyakit Tibi kembali menular dalam negara sejak kebelakangan ini, apakah sebab/punca kes boleh berulang, langkah pencegahan dan rawatan yang disediakan, bilangan kes dan kematian sepanjang tempoh 3 tahun lalu hingga Mei 2009.
31. PR-022-L19096
Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bolehkah Kerajaan Malaysia menandakan sempadan maritim sementara di Teluk Brunei supaya nelayan-nelayan di kawasan Limbang dan Lawas yang kerap kali tersasar persempadanan yang samar dan terpaksa berhadapan dan dikenakan tindakan oleh pihak penguatkuasa negara jiran tahu di mana lebih kurang kawasan yang selamat untuk menangkap ikan.
32. PR-022-L20128
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan keazaman dan langkah-langkah untuk mewujudkan Kuala Lumpur sebagai bandaraya taman tropika bertaraf dunia serta bercahaya secocok dengan pelan induk 2020. Setakat mana beliau menangani masalah-masalah seumpama pengangkutan awam, pemeliharaan tanah lapang dan hijau, setingan dan peniaga kecil.
33. PR-022-L19109
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk merealisasikan konsep 1 Malaysia melalui media.

34. PR-022-L18485
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) apa kesulitan yang dihadapi oleh pihak Kementerian untuk membina jalan raya di daerah Kapit, Sarawak bagi memudahkan penduduk tempatan dan menyambungkan daerah tersebut dengan daerah yang lain; dan
 - (b) kenapa rumah rehat tidak dapat dibina di sepanjang jalan raya di antara daerah-daerah di negeri Sarawak untuk mengurangkan kemalangan berlaku.
35. PR-022-L18550
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah pihak Kerajaan akan memperkenalkan undang-undang pilihan raya yang mengharamkan pengosongan kerusi DUN dan Parlimen dengan tanpa alasan munasabah; dan
 - (b) berapakah jumlah kos yang ditanggung oleh pihak SPR dan penguatkuasaan undang-undang pada setiap pilihan raya kecil yang diadakan.
36. PR-022-L19996
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah misi patrol 'eye in the sky' yang telah dijalankan sepanjang tiga tahun yang lalu dan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan.
37. PR-022-L19068
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan walaupun kita berkeupayaan untuk muncul sebagai pusat penyelidikan dan komersial bioteknologi yang penting di rantau ini, apakah kelemahan-kelemahan tertentu yang perlu diperbaiki yang boleh menjadi kekangan kepada usaha Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pesaing penting dalam bioteknologi yang dianggap sebagai 'bidang masa depan' itu.

38. PR-022-L18469
Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan Undang-Undang Perlindungan Data Peribadi untuk meningkatkan keselamatan aktiviti transaksi elektronik di negara ini memandangkan terdapat banyak kes di mana maklumat yang diberikan pelanggan untuk sesuatu tujuan digunakan pula untuk tujuan yang lain.
39. PR-022-L18671
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan tuntutan Sultan Brunei dan Sulu mengenai kedudukan Sabah dalam perjanjian 'Treaty of 29 Disember 1877' bagi Sultan Brunei dan 'Treaty of 22 January 1878' bagi Sultan Sulu yang ditandatangani dengan Baron Von Overback mewakili Alfred Dent di London. Adakah benar bahawa peta Sabah masih dirangkumkan dalam peta jajahan Filipina.
40. PR-022-L18955
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) langkah-langkah konkrit Kerajaan dalam merapatkan jurang kemiskinan di antara masyarakat bandar dan luar bandar; dan
 - (b) usaha dan tindakan konkrit lagi berkesan Kerajaan dalam menyediakan bekalan air bersih dan tenaga elektrik di daerah luar bandar terutamanya Kinabatangan.
41. PR-022-L19495
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk meminda Seksyen 23, Akta 663 supaya Caj Penyelenggaraan dan Pengurusan Harta Bersama boleh dikutip daripada penghuni sekiranya enggan menunaikan tanggungjawab mereka.
42. PR-022-L19593
Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa tidak ada sebarang tindakan ke atas laporan polis yang telah dibuat oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 20 Februari 2009 di Balai Polis Damansara yang menuduh Peguam Negara sekarang serta Ketua Polis Negara pada masa ini dan ACP Koh Hong San adalah terlibat dalam perbuatan satu laporan polis palsu berkaitan dengan tangkapan ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim oleh ACP Koh pada pukul 9 malam 20 September 1998.

43. PR-022-L19268
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tahap pelaksanaan projek-projek di bawah Pakej Rangsangan Pertama (RM7 bilion) dan Pakej Rangsangan Kedua (RM60 bilion).
44. PR-022-L19901
Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa jenayah besar dan kecil semakin menjadi-jadi, menyebabkan rakyat tidak merasa selamat baik berjalan di waktu malam mahupun siang dan apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan untuk membasminya.
45. PR-022-L19380
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan dan keutamaan YAB. Perdana Menteri baru setelah diamanahkan memimpin Kerajaan bagi memastikan kesejahteraan dan perpaduan rakyat berada di puncaknya.
46. PR-022-L20160
Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi tujuan pencegahan serta membendung gejala penyakit atau wabak berjangkit di negara ini sebagai contohnya wabak Influenza A (H1N1).
47. PR-022-L18435
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapakah gerai-gerai di sepanjang Lebuh Raya Utara Selatan tidak diagih secara telus dan juga secara adil kepada semua peniaga dari semua kaum dan adakah pihak LLM memperuntukkan gerai-gerai ini mengikut kefahaman politik.
48. PR-022-L18917
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah alasan mengapa Laporan SUHAKAM bagi tahun 2008 tidak dibentang di Parlimen.
49. PR-022-L20131
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan teksi bermeter di Pulau Pinang. Bilakah ia akan dilaksanakan, struktur harga dan adakah teksi diberikan kebebasan beroperasi tanpa batas di seluruh negeri termasuk lapangan terbang serta adakah Pihak Berkuasa Tempatan diberikan kuasa penguatkuasaan seperti Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan ke atas pesalah.

50. PR-022-L18965
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah peruntukan untuk membaik pulih komputer dan namakan syarikat yang mengendalikannya.
51. PR-022-L19349
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan mengapakah Venturepharm Asia Sdn. Bhd. (syarikat kawalan asing tidak langsung) yang tiada rekod kegiatan penyelidikan bioteknologi, dilantik menjalankan penyelidikan dan pembangunan bahan makanan ayam 'biofeed' dan apakah pengesahan dibuat sebelum gran 'Technofund Project' dibayar kepadanya setiap peringkat.
52. PR-022-L19030
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) berapakah peratusan terkini wanita di peringkat membuat keputusan dalam sektor awam mengikut negeri; dan
 - (b) apakah langkah-langkah untuk mencapai tahap 30 peratus wanita di peringkat membuat keputusan.
53. PR-022-L19269
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengenai kadar tol di lebuhraya yang telah lama beroperasi malah kadar tol setiap tahun dinaikkan. Bilakah Kementerian dapat menyerahkan kontrak lebuhraya kepada Ahli-ahli Parlimen untuk memastikan kontrak tersebut sah dan tiada unsur penipuan terhadap rakyat.
54. PR-022-L18988
Tuan Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah pihak Kerajaan memberikan penekanan bagi memajukan industri ICT sebagai strategi utama menjana ekonomi negara terutamanya bagi masyarakat luar bandar.
55. PR-022-L19324
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pendirian Kementerian terhadap bantahan Kesatuan Pekerja-Pekerja Dewan Bahasa dan Pustaka yang mempertikaikan pelantikan Dato' Haji Termuzi bin Abdul Aziz sebagai Ketua Pengarah DBP di samping, adakah pelantikan beliau akan dikaji semula.

56. PR-022-L19130
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) peruntukan yang di sediakan untuk membangunkan pekan-pekan kecil di perkampungan FELDA; dan
 - (b) berapa projek yang dilaksanakan di Jempol dan nyatakan lokasi serta kos yang terlibat.
57. PR-022-L18437
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bukti-bukti bagi dakwaan bahawa 5 orang pemimpin HINDRAF mempunyai hubungan dengan kumpulan pegganas antarabangsa dan jikalau tiada bukti, mengapakah mereka ditahan di bawah Akta ISA serta sekiranya terbukti tidak bersalah, adakah Kerajaan Malaysia akan meminta maaf kepada mereka.
58. PR-022-L19078
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP) yang tertangguh kelulusan di Parlimen dapat benar-benar membanteras insiden-insiden keganasan polis seperti kematian A. Kugan.
59. PR-022-L19151
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang akan dikenakan kepada pegawai-pegawai sekiranya KPI tidak dicapai seperti yang dirancang.
60. PR-022-L18806
Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah konsep 1 Malaysia dapat dilaksanakan di dalam projek pembangunan di negeri yang diperintah oleh Kerajaan Pakatan Rakyat.
61. PR-022-L19674
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan secara terperinci sejauh manakah dasar-dasar yang diguna pakai dalam pengeluaran Permit Import (AP) dapat membantu pembahagian AP dengan adil dan saksama dan bagaimanakah dasar-dasar tersebut dapat memberi saingan yang sihat kepada penjualan kenderaan nasional pada masa kini.

62. PR-022-L19606
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan atau Bank Negara Malaysia bercadang untuk menentukan kadar faedah bagi pengeluaran kad kredit (credit card issuers) bagi menggambarkan kos pinjaman keterlaluan dan keuntungan yang munasabah.
63. PR-022-L18553
Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah yang diperuntukkan kepada AIM (Amanah Ikhtiar Malaysia) tahunan sejak ditubuhkan dan adakah Kementerian akan mengkaji semula kadar faedah 10 peratus yang dikenakan kepada peminjam di bawah Projek AIM yang ternyata membebankan peminjam dari golongan miskin yang menyertai projek ini.
64. PR-022-L18850
Dato' Dr. Mohamad Shahrumb bin Osman [Lipis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah projek mengikut kategori yang telah dilaksanakan di bawah dua Pakej Rangsangan Ekonomi yang bernilai RM67 bilion.
65. PR-022-L20153
Datuk Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Satu dan Dua setakat ini dan sejauh manakah pelaksanaan projek-projek dalam kedua-dua pakej tersebut dapat mengurangkan kesan kemelesatan ekonomi global ke atas ekonomi negara.
66. PR-022-L19173
Tuan Charles Anthony a/l R. Santiago [Klang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bagaimana peruntukan sebanyak RM50 juta dibelanjakan untuk menaik tarafkan Sekolah-sekolah Tamil termasuk nama sekolah dan jumlah peruntukan, corak kerja dan rancangan Kementerian untuk memperbaiki mutu pelajaran Sekolah Tamil.
67. PR-022-L18428
Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah perlu Menteri Besar dan Ahli-ahli Exco juga di akses bagi setiap enam bulan dalam segi prestasinya atau mengikut 'key performance index' (KPI).
68. PR-022-L19242
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kos membeli submarine KD Tuanku Abdul Rahman, berapa lamakah dan kos kontrak memelihara submarine itu dan siapakah syarikat-syarikat yang diberi kontrak tersebut.

69. PR-022-L19902
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
- (a) peranan Kerajaan untuk membebaskan rakyat Malaysia yang ditahan di Penjara Guantanamo; dan
 - (b) sikap Kerajaan selepas Presiden Amerika mengumumkan komitmen Amerika Syarikat untuk menutup penjara tersebut.
70. PR-022-L19738
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk mensyaratkan agar semua hotel bertaraf empat bintang ke atas mempunyai sijil halal atau tindakan dikenakan ke atas mereka.
71. PR-022-L19416
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan tahap kawalan di Pusat Tahanan Imigresen Ajil selamat dan adakah Kerajaan bercadang memindahkan ke lokasi lebih sesuai.
72. PR-022-L18827
Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah institusi kebajikan keluarga dan orang kurang upaya swasta yang telah didaftarkan dan menjalankan aktiviti mereka dan berapakah jumlah keluarga atau anggota yang terlibat mendapatkan faedah daripada perkhidmatan badan-badan berkenaan.
73. PR-022-L19714
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan dari kejadian bekalan air yang putus di Lembah Klang dari berulang.
74. PR-022-L19500
Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan peratus program radio dan televisyen yang mewakili pandangan bukan arus perdana dalam keadaan zaman yang dikatakan 'Kerajaan bukan lagi satu-satunya pihak yang paling tahu' sebagaimana dinyatakan YAB. Perdana Menteri baru-baru ini.

75. PR-022-L19376
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar yang memohon biasiswa ijazah luar negara JPA untuk tahun 2009 dan berapa orang yang telah berjaya dan senaraikan jenis khusus yang dipohon oleh mereka ini.
76. PR-022-L19885
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah tempat dalam IPTA ditawarkan kepada mahasiswa yang berminat mengikut sesi 2009/2010 ini; dan
 - (b) sejauh mana usaha dibuat agar lebih ramai mahasiswa yang berminat untuk mengambil pengkhususan dalam bidang perubatan, kejuruteraan dan undang-undang diberi peluang mengikut pengajian dalam negara.
77. PR-022-L19283
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah elaun anggota PDRM keseluruhan yang bertugas dalam Pilihan Raya Kecil Kuala Terengganu hingga ke Bukit Selambau dan Bukit Gantang dan adakah semuanya telah dijelaskan bayarannya.
78. PR-022-L19335
Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah yang telah diambil bagi membantu rakyat luar bandar yang terpaksa membeli barang keperluan harian yang lebih mahal berbanding dengan penduduk bandar kerana tidak terdapat pasar raya yang menawarkan potongan harga.
79. PR-022-L19708
Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk membuat semakan semula perjanjian konsesi Syarikat PLUS agar kenaikan bayaran tol tidak membebankan rakyat.
80. PR-022-L19675
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa Ahli Parlimen pembangkang hanya boleh membuat cadangan tetapi tidak mempunyai kuasa meluluskan ke atas peruntukan tambahan sebanyak RM1 juta yang diperuntukkan kepada Ahli Parlimen.

81. PR-022-L19813
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan kos produksi dan edaran petrol RON95 dan RON97 seliter ketika harga minyak mentah antarabangsa berada pada tahap USD50 se-ton, USD40 se-ton, USD60 se-ton dan USD70 se-ton.
82. PR-022-L18904
Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengapa wang kebajikan untuk penerima selalunya tidak tepat pada waktunya dan apakah sebab penerima terpaksa menunggu sehingga 3 bulan untuk mendapatkan wang tersebut sedangkan wang tersebut patut di terima pada tiap-tiap bulan.
83. PR-022-L18577
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kedudukan Projek Ternakan Ayam Daging di Kampung Kubang Lintah, Sik di mana projek ini melibatkan kos keseluruhan RM889 500 dan hanya 3 orang peserta terlibat. Projek ini berjalan tetapi tidak menunjukkan faedah jangka panjang (peserta tidak berdikari). Apa tindakan susulan Kementerian seterusnya.
84. PR-022-L18707
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tentang pinjaman TEKUN untuk tahun 2009, berapa peruntukan dan apakah mekanisma agihan kepada yang layak.
85. PR-022-L19373
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa pihak polis menangkap pekerja-pekerja yang memasang belon dan kanopi dan juga mereka yang datang untuk pelancaran mogok lapar di Bangunan DAP Perak pada pagi 26 Mei 2009.
86. PR-022-L20021
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini bagi jenayah yang melibatkan remaja bawah umur dan apakah strategi pendekatan dan langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan dari aspek pendidikan dan kesedaran umum, penguatkuasaan undang-undang serta pemulihan bagi golongan ini.

87. PR-022-L19239
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah kadar peratus ramalan penguncupan (contraction) ekonomi negara pada akhir tahun ini. Mengapa pula masih ada penguncupan sedangkan lebih daripada RM60 bilion Pakej Rangsangan Ekonomi telah diperuntukkan.
88. PR-022-L19454
Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah pencegahan yang berkesan supaya jenayah samun dan pecah rumah yang sangat berleluasa sekarang ini tidak berlarutan dan apakah langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian.
89. PR-022-L19620
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana Kerajaan menjaga kepentingan rakyat terbanyak dengan memastikan kualiti perkhidmatan di hospital awam tidak terkesan dengan bertambahnya jumlah hospital swasta terutamanya yang dimiliki juga oleh Kerajaan menerusi milikan saham seperti KPJ dan Sime Darby.
90. PR-022-L19807
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status pelaksanaan 30 peratus pembuat keputusan wanita dalam pentadbiran Kerajaan. Nyatakan statistik penglibatan wanita di setiap peringkat dan tempoh sasaran untuk mencapai angka 30 peratus.
91. PR-022-L19140
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dan sedang dilakukan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) agar hak-hak Orang Asli diiktiraf sepenuhnya secara efektif.
92. PR-022-L19011
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana pegangan ekuiti Bumiputera yang selama ini hanya pada nisbah 18 peratus dapat ditingkatkan, sejauh mana dasar liberalisasi Kerajaan pada masa ini berjaya meningkatkan kebolehan kaum Bumiputera bagi melonjakkan nisbah ekuiti Bumiputera di masa akan datang.

93. PR-022-L19018
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria yang diambil kira dalam pengambilan anggota baru SPRM, bagi memastikan anggota yang direkrut adalah individu yang mempunyai latar pengalaman dan perkhidmatan yang luas dan terbaik dalam bidang ikhtisas, serta mempunyai jiwa yang berintegiti dalam memerangi rasuah.
94. PR-022-L19784
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk memperluaskan skop yang lebih komprehensif perkhidmatan Pusat Bantuan Guaman yang dikendalikan oleh Majlis Peguam di Negara untuk Orang Kena Tuduh (OKT) yang mana sebanyak 70-80 peratus OKT dinafikan bantuan guaman sedangkan Biro Bantuan Guaman Kerajaan pula hanya menguruskan kes sivil sahaja.
95. PR-022-L18639
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar yang menerima tajaan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ke luar negeri dan nyatakan jumlah biasiswa yang diterima oleh pelajar setahun di seluruh negeri Sarawak mengikut kaum dari tahun 2004 hingga 2008.
96. PR-022-L18869
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berikutan pada tahun 2008 sebanyak 4059 aduan telah di terima dan 3847 aduan telah diselesaikan oleh Biro Pengaduan Awam justeru apakah maksud 'Kes Diselesaikan' oleh BPA terhadap segala aduan yang dikemukakan oleh rakyat.
97. PR-022-L20077
Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai projek yang dilaksanakan di kawasan Bakri di bawah peruntukan khas YAB. Perdana Menteri sebanyak RM500,000 untuk setiap kawasan Parlimen:-
- (a) senaraikan projek, kos projek dan syarikat yang melaksanakan projek dari 2000 hingga 2009; dan
 - (b) jelaskan peraturan yang harus dipatuhi untuk permohonan secara terperinci.

98. PR-022-L20103
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) kedudukan pembinaan sebuah lapangan terbang kos rendah yang baru di KLIA; dan
 - (b) adakah ia akan disiapkan pada tahun 2011 seperti yang diumumkan, dan berapakah kos pembinaan, kapasiti dan kelengkapan yang akan disediakan.
99. PR-022-L18603
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-
- (a) dari tahun 2003 hingga 2008 berapakah jumlah pemaju yang telah dikenakan tindakan mahkamah atas kesalahan tidak mematuhi pelaksanaan penilaian Impak Alam Sekeliling (EIA); dan
 - (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula pelaksanaan EIA di negara ini.
100. PR-022-L18775
Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang pembiayaan yang disediakan dalam pakej rangsangan ekonomi kedua sebanyak RM10,000 dan RM20,000 kepada pelajar yang layak di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah dibuka kepada universiti swasta tempatan seperti UTAR.
101. PR-022-L19089
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah LPKP menangani masalah perkhidmatan teksi terutamanya dari segi mengenakan bayaran yang melebihi ke atas penumpang-penumpang dan alasan mengapa LPKP gagal dalam melaksanakan tugasnya.
102. PR-022-L19458
Dato' Shahrir Bin Ab. Samad [Johor Bahru] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada beliau sedar bahawa perkhidmatan rel di antara Johor Bahru dan Singapura telah mendapat sambutan yang meningkat dan oleh itu, adakah Kerajaan bercadang untuk membina rel berkembar (double tracking) dari Kulai ke Johor Bahru untuk membolehkan Keretapi Tanah Melayu meningkatkan lagi perkhidmatan komuternya bagi Bandaraya Johor Bahru.

103. PR-022-L19752
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk memberikan tahap saksama kepada Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk mengatasi kemerosotan tahap Bahasa Inggeris di negara ini yang akan mengakibatkan Malaysia ketinggalan dalam pembangunan antarabangsa melalui globalisasi.
104. PR-022-L19685
Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pelatih di bawah Kementerian yang sedang mengikuti program latihan industri serta bidangnya bagi mengatasi masalah pengangguran akibat krisis ekonomi.
105. PR-022-L19578
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) apakah rasional wang PTPTN disalurkan terus kepada IPT dan dalam bentuk 'pendahuluan' (advance); dan
 - (b) mengapa wang tersebut tidak disalurkan terus kepada pelajar-pelajar terbabit secara berperingkat sebagaimana yang diamalkan untuk pembayaran biasiswa.
106. PR-022-L20087
Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah hasil lawatan rasmi Emir Qatar ke Malaysia baru-baru ini.
107. PR-022-L19841
Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk memberi lesen penyiaran kepada syarikat lain untuk menyaingi ASTRO.
108. PR-022-L19541
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah jumlah syarikat yang diberikan AP untuk mengimport beras dari luar negara.
109. PR-022-L20036
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengapakah Nishimatsu Construction Company yang sedang disiasat berhubung dakwaan rasuah di Jepun dan beberapa tahun lalu dituduh cuai dalam satu projek pembinaan di Singapura diberikan kontrak besar RM1.3 bilion bagi membina saluran paip air bawah tanah dari Pahang ke Selangor.

110. PR-022-L18896
Tuan Manikavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah kolej universiti dan cawangan universiti asing wujud di Malaysia serta jumlah pelajar asing mengikut kewarganegaraan masing-masing yang melanjutkan pelajaran di Malaysia. Apakah usaha-usaha Kerajaan untuk memastikan pelajar-pelajar tersebut tidak terlibat dalam anasir-anasir jenayah termasuk pelacuran serta usaha Kerajaan memastikan rakyat Malaysia tidak terikut-ikut unsur negatif yang terbawa oleh mereka.
111. PR-022-L18759
Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah usaha menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan serantau dengan mengambil kira peranan universiti swasta. Apakah usaha Kementerian membantu meningkatkan mutu dan kemudahan pengajian tinggi di universiti swasta tersebut supaya objektif menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan terkemuka dapat direalisasikan.
112. PR-022-L18935
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tindakan yang diambil untuk meningkatkan prestasi universiti-universiti tempatan yang semakin merosot berdasarkan laporan terbaru QS.com Asia University Ranking. Universiti Malaya hanya berjaya menduduki tangga ke 38 sahaja di antara universiti-universiti terbaik Asia dan ketinggalan berbanding dengan universiti-universiti Hong Kong, Jepun, Korea Selatan, China, Singapura, India, Taiwan dan Thailand.
113. PR-022-L19359
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan senarai jalan-jalan kampung di daerah Kuala Krai yang akan dinaik taraf dan berapa daripada projek ini akan sempurnakan dalam tahun 2009.
114. PR-022-L19187
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan alasan mengapa Projek Link Subang-Kelana ditangguh tujuh bulan dan laluan kewajipan tidak dirobohkan sungguhpun laluan baru sudah siap dibina.

115. PR-022-L19755
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah peruntukan pembangunan yang diberikan kepada SJKC Ladang Hillside, Batu 4, Labu, Negeri Sembilan setiap tahun dari tahun 2000 hingga 2009 dan sama ada Kerajaan memberikan apa-apa bantuan kewangan kepada sekolah tersebut untuk menyelesaikan masalah bangunan diserang anai-anai putih baru-baru ini.
116. PR-022-L19443
Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan kes yang diterima melalui Program Cari mengikut kategori dan negeri dan berapa pula telah mendapat bantuan yang sewajarnya, juga minta dinyatakan masa yang diambil untuk memproses satu-satu kes yang dilaporkan atau mengisi borang permohonan.
117. PR-022-L19396
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kenapa pasir sungai yang menyumbatkan banyak sungai-sungai di Malaysia dan menyebabkan banjir tidak boleh dijual ke luar negara terutamanya Singapura.
118. PR-022-L19621
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah keseluruhan laporan polis yang diterima di seluruh negara berkaitan dengan kemelut dan krisis Perlembagaan negeri Perak sejak rampasan kuasa di Perak pada Februari 2009 dan nyatakan peratusan laporan yang telah disiasat dan diambil tindakan oleh pihak polis.
119. PR-022-L19231
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tahap keberkesanan pegawai kontrak yang ditauliahkan khas untuk Program Cari untuk membasmi kemiskinan. Berapakah tahap penambahan kes berbanding dengan cara yang biasa dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan berapa kes setiap pegawai JKM berbanding berapa kes setiap pegawai kontrak.
120. PR-022-L18857
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengekalkan penggunaan bahasa ibunda di kalangan anak-anak muda kita tanpa menjejaskan penggunaan dan penguasaan Bahasa Inggeris; dan

- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa murid-murid sekolah dan golongan remaja tidak dapat mengimbangkan (balance) penggunaan bahasa ibunda dan Bahasa Inggeris.
121. PR-022-L18513
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan Kabinet telah membuat keputusan bahawa anak kekal beragama asalnya jika salah seorang ibu / bapanya memeluk agama Islam, apakah perkembangan terkini dan nyatakan pendekatan yang dikenal pasti dan pencapaian yang telah dibuat oleh jawatankuasa khas yang diketuai oleh tiga orang Menteri.
122. PR-022-L19122
Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah gejala sosial yang semakin menular di kalangan remaja pada hari ini dan setakat manakah program rakan muda telah berjaya mengurangkan masalah sosial di kalangan remaja.
123. PR-022-L18593
Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah kedudukan terkini mengenai kes pembunuhan ke atas A. Kugan; dan
- (b) apakah sebab Peguam Negara masih gagal membawa kes ini ke mahkamah.
124. PR-022-L20007
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan pesawat MIG selepas akhir tahun 2010, oleh itu, bagaimanakah Kerajaan menangani masalah kekurangan aspek ini.
125. PR-022-L18692
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh mana peranan kolej-kolej komuniti sebagai kluster pembangunan pendidikan selaras dengan konsep pembelajaran untuk semua peringkat dan sepanjang hayat.

126. PR-022-L20170
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pelaksanaan projek-projek ekonomi Koridor-Koridor Selatan, Utara, Timur serta Koridor Sabah dan Sarawak akan diteruskan di bawah pentadbiran baru YAB. Perdana Menteri sekarang.
127. PR-022-L19310
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) apakah strategi meningkatkan fungsi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani peringkat Parlimen; dan
 - (b) bolehkah pihak Kementerian menyatakan perancangan atau usaha menjadikan kawasan Lenggong sebagai kawasan Agro Pertanian.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Perdana Menteri**

- * Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) (Pindaan) 2009.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

- (c) Fungsi Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi yang kini dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air berkaitan dengan komunikasi dan agensi di bawahnya iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dipindahkan ke Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

DAN BAHAWASANYA –

- (i) perbelanjaan pengurusan bagi maksud-maksud yang melibatkan Kementerian yang disusun semula itu telah diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2009 (Akta A1340);
- (ii) amaun yang belum dibelanjakan yang berhubungan dengan Kementerian- kementerian yang peruntukan untuknya perlu dikurangkan itu telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah perenggan 13(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61];
- (iii) perbelanjaan pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan Kementerian-kementerian yang disusun semula telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2009;
- (iv) amaun yang belum dibelanjakan yang berhubungan dengan Kementerian-kementerian yang peruntukan untuknya perlu dikurangkan itu telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406];
- (v) bagi Kementerian-kementerian yang disusun semula itu, perlu dibuat penguntukan semula peruntukan perbelanjaan pengurusan dan pembangunannya berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya;
- (vi) menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 66A Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, tertakluk kepada suatu Rang Undang-Undang Perbekalan yang telah diluluskan mengikut Peraturan Mesyuarat 66, mana-mana penguntukan semula peruntukan perbelanjaan boleh dibuat melalui suatu usul oleh seorang Menteri,

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, DEWAN INI membuat ketetapan seperti berikut:

1. Berkaitan dengan Perbelanjaan Mengurus –
 - (a) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi satu bilion lapan puluh lapan juta dua ratus tiga puluh enam ribu tiga ratus sembilan ringgit (RM1,088,236,309) di bawah Maksud B.26 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi kepada Maksud B.06 Jabatan Perdana Menteri sebanyak dua belas juta satu ratus tujuh puluh ribu empat ratus tiga puluh dua ringgit (RM12,170,432), Maksud B.22 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebanyak satu bilion lima puluh empat ribu lima ratus ringgit (RM1,000,054,500) Maksud B.24 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebanyak empat juta tujuh ratus tiga ribu tujuh ratus sembilan puluh dua ringgit (RM4,703,792), Maksud B.25 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebanyak enam puluh tiga juta lima ratus lapan puluh tujuh ribu lapan ratus lapan puluh lima ringgit (RM63,587,585) dan Maksud B.27 Kementerian Kerja Raya sebanyak tujuh juta tujuh ratus dua puluh ribu ringgit (RM7,720,000);
 - (b) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi empat ratus dua puluh sembilan juta sembilan ratus ribu sembilan ratus lapan puluh tujuh ringgit (RM429,900,987) di bawah Maksud B.44 Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan kepada Maksud B.06 Jabatan Perdana Menteri sebanyak seratus lapan belas juta enam ratus empat puluh tujuh ribu lima ratus empat puluh tujuh ringgit (RM118,647,547) dan Maksud B.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (dahulunya dikenali sebagai Kementerian Penerangan) sebanyak tiga ratus sebelas juta dua ratus lima puluh tiga ribu empat ratus empat puluh ringgit (RM311,253,440); dan
 - (c) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi lima juta dua ratus tujuh belas ribu tujuh puluh enam ringgit (RM5,217,076) di bawah Maksud B.26 Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air kepada Maksud B.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (dahulunya dikenali sebagai Kementerian Penerangan).

2. Berkaitan dengan Perbelanjaan Pembangunan –
- (a) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi satu bilion tiga ratus enam puluh enam juta sembilan ratus sembilan puluh ribu empat ratus dua puluh lapan ringgit (RM1,366,990,428) di bawah Maksud P.26 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi kepada Maksud P.06 Jabatan Perdana Menteri sebanyak enam juta enam ratus ribu ringgit (RM6,600,000), Maksud P.10 Perbendaharaan sebanyak tiga ratus dua puluh lima juta lapan ratus tiga puluh tujuh ribu lapan ratus ringgit (RM325,837,800), Maksud P.21 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebanyak dua juta sembilan ratus ribu ringgit (RM2,900,000), Maksud P.22 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebanyak enam ratus lapan puluh satu juta dua belas ribu ringgit (RM681,012,000) , Maksud P.24 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebanyak dua ratus tujuh puluh empat juta enam ratus tujuh puluh lapan ribu lapan ratus sembilan puluh empat ringgit (RM274,678,894), Maksud P.25 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebanyak tujuh puluh dua juta tiga ratus dua puluh enam ribu satu ratus sembilan puluh lima ringgit (RM72,326,195) dan Maksud P.27 Kementerian Kerja Raya sebanyak tiga juta enam ratus tiga puluh lima ribu lima ratus tiga puluh sembilan ringgit (RM3,635,539);
- (b) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi enam ratus tiga puluh tiga juta lima puluh sembilan ribu enam ratus dua puluh empat ringgit (RM633,059,624) di bawah Maksud P.29 Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air kepada Maksud P.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (dahulunya dikenali sebagai Kementerian Penerangan);dan
- (c) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi dua ratus sepuluh juta satu ratus dua puluh lima ribu tiga puluh sembilan ringgit (RM210,125,039) di bawah Maksud P.44 Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan kepada Maksud P.06 Jabatan Perdana Menteri sebanyak dua puluh enam juta tujuh puluh sembilan ribu tujuh ratus ringgit (RM26,079,700) dan Maksud P.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (dahulunya dikenali sebagai Kementerian Penerangan) sebanyak satu ratus lapan puluh empat juta empat puluh lima ribu tiga ratus tiga puluh sembilan ringgit (RM184,045,339).”

- | | | | |
|----|----------------|---|---|
| 5. | (D.R. 30/2008) | Rang Undang-undang Jawatankuasa Etika Hakim 2008.
(Perdana Menteri) | “ |
| 6. | (D.R. 29/2008) | Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2008.
(Kementerian Kewangan) | “ |
| 7. | (D.R. 4/2009) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009.
(Perdana Menteri) | “ |
| 8. | (D.R. 8/2009) | Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 2009
(Kementerian Kewangan) | “ |
| 9. | (D.R. 10/2009) | Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Pindaan) 2009
(Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri) | “ |

10. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv), Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan menukarkan pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM757,459,247 kepada ekuiti Bank Pertanian Malaysia Berhad, suatu syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan)”.

11. PR-022-U18570

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sistem pendawaian luar terutama sekali bagi bekalan elektrik pada ketika ini. Adalah amat usang dan ada kalanya amat tidak teratur mengambil maklum bahawa sistem pendawaian yang ada pada ketika ini juga boleh mendatangkan bahaya kepada para pengguna terutama sekali bagi pendawaian yang merentasi jalan raya. Dan mengambil maklum bahawa sistem pendawaian yang sedia ada juga merupakan pencemaran pemandangan di mana kabel yang dipasang sering kali kelihatan tidak teratur, berjuntai dan usang. Maka dengan ini Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk membuat dasar atau pun polisi bahawa semua pendawaian luar bagi bekalan elektrik, terutama sekali di kawasan perumahan dibuat melalui sistem pendawaian bawah tanah."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

12. PR-022-U18572

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa pemanasan dunia kini berada dalam keadaan yang kritikal dan salah satu daripada penyumbang kepada keadaan ini adalah penjanaan tenaga elektrik. Dan mengambil maklum bahawa bekalan bahan bakar bagi penjanaan kuasa elektrik juga semakin berkurangan.

Dan mengambil maklum bahawa keperluan bekalan elektrik di negara ini juga kian meningkat dan peningkatan ini sebahagian besar disebabkan oleh pembaziran tenaga elektrik, di mana lampu, kipas dan pendingin udara dipasang walaupun tidak diperlukan. Dan mengambil maklum bahawa isu ini adalah isu global tetapi dapat diselesaikan secara lokal di mana setiap orang mempunyai peranan untuk mengurangkan pembaziran tenaga elektrik dan sekali gus mengurangkan punca pencemaran dan pemanasan dunia. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan menggubal satu dasar atau pun undang-undang bagi mendakwa dan menghukum mereka yang sengaja membazir tenaga elektrik. Ketetapan juga haruslah diambil untuk memastikan semua ketua Jabatan Kerajaan, Agensi Kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan bertanggungjawab untuk mengurangkan pembaziran tenaga elektrik ini dan dimuatkan sebagai salah satu daripada kriteria indeks petunjuk prestasi mereka."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

13. PR-022-U18573

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kanak-kanak adalah permata negara. Dan mengambil maklum bahawa potensi permata negara haruslah digilap sejak awal-awal lagi, seawal peringkat prasekolah mengambil maklum bahawa seawal peringkat pra-sekolahlah permata negara ini harus ditanamkan dan dibudayakan dengan unsur-unsur dan prinsip rukun negara dan konsep 1 Malaysia. Dan mengambil maklum juga bahawa sebagai taman bimbingan pra-sekolah yang terbesar di seluruh negara, Tabika Kemas boleh memainkan peranan ini. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta pihak Tabika Kemas untuk memainkan peranan ini dengan lebih aktif lagi demi untuk melahirkan modal insan negara yang berkualiti, berilmu, sopan dan patriotik."

[Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah]

14. PR-022-U20149

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan strategi yang terpenting untuk melengkapkan negara ini terus menghadapi kemerosotan ekonomi dunia serta membolehkan negara ini mengambil kesempatan yang baik apabila ekonomi global mula pulih."

[Kementerian Kewangan]

15. PR-022-U20151

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan kaedah yang paling berkesan untuk mengatasi cabaran mungkin berlakunya pandemik selesema A H1N1 yang sedang melanda dunia. Dewan ini juga membincangkan jangkitan penyakit yang lain seperti meningitis, denggi dan leptospirosis."

[Kementerian Kesihatan]

16. PR-022-U19935

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

[Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]

17. PR-022-U19942

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di Negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

[Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

18. PR-022-U19947

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

[Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

19. PR-022-U19953

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

[Perdana Menteri]

20. PR-022-U19956

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja penambahbaikan perjalanan dan pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)"

[Kementerian Dalam Negeri]

21. PR-022-U18678

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan dan menetapkan dengan seriusnya mengenai keraguan rakyat Malaysia di Sabah terhadap kedudukan kerakyatan orang-orang asing tanpa proses yang ditetapkan dalam undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan yang hendaklah dikaji dan diputuskan."

[Kementerian Dalam Negeri]

22. PR-022-U18679

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dan menetapkan terhadap keraguan dalam Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa apa-apa pindaan kepada Perkara 159 hendaklah tertakluk kepada Perkara 161E untuk menjamin perlindungan kedudukan Perlembagaan Sabah dan Sarawak dengan memperuntukkan bahawa persetujuan Tuan Yang Dipertua Negeri Sabah hendaklah diperolehi untuk pindaan kepada perlembagaan yang menyentuh Perjanjian 20 Perkara seperti:(a) Kewarganegaraan (b) Keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak(c) Perkara di bawah kuasa perundangan Badan Perundangan Negeri"

[Perdana Menteri]

23. PR-022-U18680

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan dengan seriusnya mengenai kadar kemiskinan yang melanda negeri Sabah. Apakah sebenarnya sebab-sebab kadar kemiskinan di negeri ini masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung, contohnya pada tahun 2007 kadar kemiskinan di Kelantan 7.2% sedangkan Sabah 16%. Keprihatinan mengenai kedudukan kemiskinan di Sabah haruslah diberi tumpuan yang khusus demi untuk memartabatkan rakyat Malaysia mendapat layanan dan perhatian yang sama tanpa mengira suku kaum, kebudayaan dan agama."

[Perdana Menteri]

24. PR-022-U18752

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mencari satu jalan untuk menyeragamkan segala undang-undang memeluk agama kerana keputusan Jemaah Menteri baru-baru ini langsung tidak efektif dan tidak dapat dikuatkuasakan."

[Perdana Menteri]

25. PR-022-U18458

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk membawa resolusi mengecam dan memutuskan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Sri Lanka di mesyuarat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di atas kezaliman Kerajaan tersebut dalam pembunuhan orang awam Tamil beramai-ramai di Utara-Timur Sri Lanka."

[Kementerian Luar Negeri]

26. PR-022-U18462

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum iaitu Kerajaan Persekutuan tidak mengambil langkah-langkah yang wajar bagi memastikan penerapan lebih banyak calon-calon dari masyarakat India dalam sektor perkhidmatan awam. Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan untuk memberi perhatian dalam isu ini agar pengambilan kakitangan ke dalam sektor perkhidmatan awam mengimbangi kaum, jantina dan merit."

[Perdana Menteri]

27. PR-022-U18464

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum iaitu kebanyakan Sekolah-Sekolah Tamil di Negara berada dalam keadaan yang serba kekurangan sehingga mendatangkan kesan negatif kepada para pelajar. Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan supaya memberi perhatian khusus terhadap pembinaan Sekolah-Sekolah Tamil yang baru dan menaik taraf Sekolah-Sekolah Tamil yang sedia ada di mana perkara ini akan menyediakan suasana pembelajaran yang selamat dan selesa kepada pelajar."

[Kementerian Pelajaran]

28. PR-022-U20067

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh MINDEF, mesti dibentangkan di Parlimen dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya dijadikan sebagai syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

[Kementerian Pertahanan]

29. PR-022-U20167

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan agar Kerajaan Pusat melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyegerakan proses penstrukturan semula air di seluruh negara agar pengurusan rawatan dan pengagihan air dikembalikan kepada pihak Kerajaan negeri bagi keefisyenan serta membela kepentingan rakyat dan pengguna, khususnya bagi negeri Selangor yang telah tergendala proses ini akibat sikap dingin pihak Kementerian dalam membuat keputusan yang wajar, tegas dan muktamad."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

30. PR-022-U20168

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengingatkan pihak Kabinet supaya jangan membuat keputusan secara tergesa-gesa dan perlu lebih berhati-hati dalam membuat keputusan khususnya dalam hal yang membawa implikasi pertentangan Mahkamah Sivil dan Syariah , contohnya dalam kes "agama bersama" atau "common" religion baru-baru ini, sebelum dirujuk pelbagai pihak seperti golongan pemimpin agama-agama termasuk para alim ulama, para pengamal perundangan sivil dan syariah, tokoh-tokoh akademik dan cendekiawan serta pemimpin masyarakat sivil, bagi memitigasi konflik pertentangan agama dan perundangan."

[Perdana Menteri]

31. PR-022-U20169

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini segera membuat ketetapan bagi menangani kemelut pemberian Biasiswa Seberang Laut JPA yang setiap tahun berdepan dengan pelbagai pertikaian dengan cara menjadikan sistem penilaian itu satu yang jelas kriterianya (peratus input akademik dan ko-kurikulum) dan telus untuk semua dan dijadikan ia satu isu kategori biasiswa cemerlang untuk seberang laut" serta menetapkan bidang-bidangnya yang lebih menyeluruh bukan sahaja perubatan dan kejuruteraan, tetapi juga kewangan dan ekonomi serta syariat, falsafah dan selainnya bagi benar-benar melahirkan tokoh-tokoh hebat dalam bidang masing-masing. Dewan ini juga perlu menetapkan pelbagai lagi biasiswa lain sama ada yang belajar dalam atau luar negara bagi golongan pelajar lain."

[Perdana Menteri]

32. PR-022-U19220

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap hukuman mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

[Perdana Menteri]

33. PR-022-U19225

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja Siasatan Kes Pembunuhan Altantuya Sharibu yang mati dibunuh beberapa tahun lalu. Daripada siasatan dan perbicaraan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalanannya dan diharap agar suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."

[Kementerian Dalam Negeri]

34. PR-022-U0188

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] akan mencadangkan:-

"**BAHAWASANYA** beberapa bulan yang terdekat ini, rakyat mendapati polis telah bertindak secara tidak bertanggungjawab, secara sewenang-wenangnya melanggar undang-undang dan pilih kasih (double standard) dalam tindakan-tindakan mereka.

Antara tindakan-tindakan mereka yang mempunyai unsur-unsur di atas adalah seperti berikut :-

1. Menghalang Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perak daripada memasuki Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak pada 3/3/2009.
2. Mematuhi arahan daripada Setiausaha DUN Perak dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan bukannya arahan daripada Speaker DUN Perak apabila menghalang ADUN-ADUN Perak daripada memasuki DUN Perak pada 3/3/2009.
3. Pada 29/3/2009, YB Ong Boon Piaw, ADUN dari DAP bagi kawasan DUN Tebing Tinggi, Perak telah ditangkap dan ditahan kerana mengeluarkan DVD rakaman perjalanan persidangan DUN Perak yang berlangsung pada 3/3/2009 tetapi YB Dato' Dr Mah Hang Soon ADUN dari MCA bagi kawasan Chenderiang, Perak tidak ditangkap atau ditahan apabila beliau mengeluarkan insiden persidangan DUN Perak yang berlaku pada 7/5/2009.
4. Pada 5/5/2009, aktivis dan ahli akademik, Wong Chin Huat telah ditangkap selepas menyeru rakyat Malaysia berpakaian hitam.
5. Pada 6/5/2009, 14 orang individu termasuk seorang ahli Parlimen ditangkap merana menunjukkan soladiriti bersama Wong Chin Huat di depan balai polis Brickfields, Kuala Lumpur.
6. Pada 7 Mei juga, 15 orang individu dan 5 peguam ditangkap kerana menunjukkan solidariti bersama Wong Chin Huat di depan balai polis Brickfields, Kuala Lumpur.
7. Pada 7/5/2009, 69 orang individu termasuk ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri telah ditangkap dan ditahan semasa minum dan makan di restoran, sedang berjalan kaki atau pakai pakaian warna hitam di kawasan Ipoh, Perak. Kegiatan-kegiatan ini langsung tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang.
8. Pihak polis mencerobohi DUN Perak pada 7/5/2009 dan secara paksa mengheret keluar YB V. Sivakumar, Speaker DUN Perak daripada DUN Perak dan mengurung beliau dalam sebuah bilik.

9. Sewenang-wenangnya tidak membenarkan rakaman insiden DUN Perak yang berlaku pada 7/5/2009 ditayangkan dalam Majlis Makan Malam DAP di Sitiawan, Perak pada 9/5/2009 dan secara ganas dan berkelakuan samseng memberhentikan jamuan makan malam tersebut dan merampas alat-alat audio video yang digunakan untuk tayangan rakaman tersebut tetapi apabila pihak MCA menayangkan insiden 7/5/2009 tersebut di jamuan Makan Malam MCA di Ipoh pada 17/5/2009 mereka dibenarkan berbuat demikian.
10. Pada 26/5/2009 jam lebih kurang 7.00 pagi, polis telah sewenang-wenangnya menangkap 5 orang pekerja yang sedang membuat persiapan memasang belon untuk pelancaran mogok lapar di bangunan DAP Perak dan alasan yang diberikan oleh Ketua Polis Negeri Perak ialah kerana perkataan 'Daulat Tuanku' atas belon tersebut merupakan satu kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948.
11. Polis bertindak tidak membenarkan orang ramai secara aman berkumpul untuk mengadakan kempen memasang lilin untuk menunjuk solidariti dengan rakyat Perak. Mereka yang berbuat demikian di Kuching, Pulau Pinang, Seputeh & Ampang, Kuala Lumpur telah ditangkap dan ditahan oleh pihak Polis.
12. Pada 26/5/2009, polis tanpa asas yang kukuh dari segi undang-undang telah menangkap 21 orang termasuk seorang Ahli Dewan Rakyat, 7 ADUN Perak.
13. Kedaulatan undang-undang dicabuli oleh pihak polis dan ia seakan-akan tidak ada undang-undang lagi di Malaysia terutamanya negeri Perak.
14. Beberapa laporan polis telah dibuat terhadap tindakan-tindakan salah di atas yang dilakukan oleh pihak polis tetapi tidak ada tindakan yang diambil terhadap anggota-anggota polis yang bersalah.

BAHAWASANYA ramai rakyat sekarang mula memberi gelaran 'Polis, Raja di Malaysia' kepada pasukan polis dan pasukan polis tidak lagi digelar 'Polis DiRaja Malaysia' oleh mereka.

BAHAWASANYA setiap Ahli Dewan Rakyat telah berikrar untuk memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan Malaysia. Tindakan-tindakan salah polis di atas telah melanggar Perkara-perkara 5 (kebebasan diri), 8 (sama rata), 9 (kebebasan bergerak) dan 10 (kebebasan bercakap, berhimpun dan persatuan) Perlembagaan Persekutuan.

MAKA untuk memulihkan kepercayaan orang ramai kepada institusi polis dan juga untuk memastikan keadaan yang tersebut di atas diperbetulkan dan tidak berlarutan, saya ingin mengusulkan Dewan yang mulia ini untuk membuat satu ketetapan bahawa Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa bin Hassan dipecat dari jawatannya dengan serta-merta.

[Kementerian Dalam Negeri]

35. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan). 'Islam adalah agama bagi persekutuan **termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya**'

[Perdana Menteri]

36. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan). 'Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, **kecuali undang-undang dan syariat Islam**, apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan **Perlembagaan ini dan undang-undang Islam atau hukum syara**' hendaklah terbatal setakat ianya berlawanan itu.'

[Perdana Menteri]

37. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan)

'Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya, **termasuk menukar agamanya bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam. Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa mutlak ke atasnya**'

[Perdana Menteri]

38. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan mengambil langkah supaya Jadual 9 senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut :-

‘...tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan...’ dan diganti dengan perkataan berikut ;

‘dan mempunyai bidangkuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam hukum syara’ dan undang-undang Islam termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syara’ dan undang-undang Islam’.

Dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 hendaklah dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di atas”.

[Perdana Menteri]

39. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan menguatkuasakan keputusan Majlis Fatwa kebangsaan pada 08hb.Oktober 1987 dan mengambil langkah memansuh dan menghapuskan semua amalan dan upacara bertafakur yang diadakan di hadapan Tugu Negara dan semua langkah yang berkesan dan efektif diambil agar anggota tentera, polis dan lain-lain orang yang beragama Islam tidak dipaksa dan/ atau diarah melakukan upacara dan amalan kawad hormat dan/ atau bertafakur di hadapan Tugu Negara yang telah difatwakan sebagai syirik’.

40. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya melantik seorang Mufti Negara sebagai Ketua bagi dan dengan kuasa dan otoriti mengatasi kesemua Mufti-mufti dan menjadi Pengerusi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan dan tanggungjawab dan menjawab hanya kepada Yang DiPertuan Agong dan Majlis Raja-Raja”.

41. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Palestin**’ dengan melantik YB Kepala Batas sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

42. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa Caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal Islam dalam negara ini dengan tujuan untuk memartabatkan, memperkukuhkan dan mempertahankan hal ehwal Islam dan menamakan badan ini sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Islam**’ dengan melantik YB Kepala Batas sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

[Perdana Menteri]

43. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Caucus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India dengan tujuan untuk memantapkan kedudukan ekonomi mereka dan menyelesaikan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan mereka dan dinamakan sebagai **Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Masyarakat India**”.

[Perdana Menteri]

44. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta-merta memansuhkan pengajian mata pelajaran Sains & Matematik dalam Bahasa Inggeris dan menggantikan ia dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengajian mata pelajaran tersebut”.

[Kementerian Pelajaran]

45. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiarkan dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima di kesemua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan/ atau halangan’.

[Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]

46. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah dikurangkan hukuman penjara tidak melebihi 20 (dua puluh tahun) dan bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah ditolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta”.

[Kementerian Dalam Negeri]

47. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini menganbil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat penerbangan Malaysia Airline, Air Asia atau mana-mana syarikat penerbangan dalam negeri ini supaya membenarkan kakitangan wanitanya terutamanya pramugari memakai pakaian / uniform yang mematuhi hukum syara’ sebagaimana syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Emirates Airways, Saudi Airlines, Royal Brunei Airline dan lain-laian”.

[Kementerian Pengangkutan]

48. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras dan yang memabukkan semasa di dalam penerbangan sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Saudi Air, Emirate Airways, Brunei Airline dan lain-lain.

[Kementerian Pengangkutan]

49. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat perniagaan runcit Seven-Eleven (7-11) dilarang sama sekali daripada menjual arak dan/atau apa-apa minuman keras dan yang memabukkan serta sebarang bentuk kondom dipremisnya”.

[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]

50. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dalam kegiatan militant Islam seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Jemaah Islam Malaysia (JI), Kumpulan Al Maunah dan lain-lain termasuk Mas Selamat dan jika pihak keselamatan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi”.

[Kementerian Dalam Negeri]

51. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaik pulih Masjid Jame' Bandar Raya Kuala Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian, menurap keseluruhan tapak masjid tersebut dengan marmar sebagaimana yang dibuat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta memperkukuhkan bumbung Masjid tersebut agar dapat menampung jemaah untuk mengerjakan Solat terutamanya solat Jumaat dan kedua Eidulfitri & Eiduladha memandangkan pertambahan jemaah yang semakin meningkat mutakhir ini”.

[Perdana Menteri]

52. PR-022-U18752

Tuan Zulkifli Bin Noordin (Kulim Bandar Bharu) akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya membatalkan dan/atau menarik balik arahan supaya kes-kes penceraian pasangan bukan Islam yang salah seorang dari mereka memilih untuk memeluk Islam dibicarakan di Mahkamah sivil; atau kes-kes anak-anak bawah umur yang di Islamkan oleh ibu, bapa atau penjaga mereka (yang asalnya bukan Islam) yang kemudiannya memilih memeluk Islam dibicarakan di Mahkamah sivil. Bahawa Dewan ini juga mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya membatalkan dan / atau menarik balik arahan supaya dasar "common religion" (dengan izin) yang hendak diterima pakai bagi kes-kes kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dimana semua kanak-kanak dibawah 18 tahun dianggap menganut agama ibu-bapanya semasa dilahirkan sedangkan dasar "common religion" ini bercanggah dengan hukum syara' dan perundangan negara seperti berikut:

- i. kerana secara langsung menyebabkan ibu, bapa atau penjaga (yang bukan Islam) dan memilih untuk memeluk Islam akan kehilangan hak penjagaan anak tersebut; sekaligus membantutkan usaha da'wah Islam kerana bukan Islam akan menjadi ragu-ragu untuk memeluk Islam kerana khuatir kehilangan anak;
- ii. dalam keadaan kedua ibu-bapa kanak-kanak (yang asalnya bukan Islam) memilih untuk memeluk Islam maka dasar "common religion" tersebut akan menyebabkan kanak-kanak itu kekal dalam agama asal ibu bapanya dan oleh itu mendedahkan kanak-kanak itu menjadi perebutan untuk penjagaan oleh mana-mana pihak ketiga yang bukan Islam;
- iii. sedangkan hukum syara' menetapkan bahawa dalam keadaan mana-mana salah seorang ibu-bapanya memeluk Islam maka kanak-kanak dibawah umur aqil baligh itu hendaklah dianggap Islam.
- iv. Dalam kes *Nedunchelian v. Nur Safiqah* [2005] 2 AMR 711, Mahkamah Tinggi sivil telah memutuskan bahawa menurut hokum syara' berdasarkan fahaman mazhab syafi'e (yang dianuti majority umat Islam di Malaysia) bahawa apabila salah seorang ibu atau bapa seseorang kanak-kanak itu memeluk agama Islam, maka secara automatik anak-anak itu juga dianggap Islam, tanpa perlu kepada formaliti atau persijilan pemelukan kepada agama Islam.

- v. Mahkamah Rayuan didalam kes Subashini [2007] 2 AMR 540 telah memutuskan bahawa isu ini tertakluk kepada Artikel 12 (4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa “ugama bagi seseorang yang berumur kurang daripada 18 tahun adalah ditetapkan oleh ibu bapa atau penjaganya” dan Mahkamah Rayuan menafsirkan bahawa hak menentukan agama seseorang kanak-kanak bergantung kepada mana-mana salah seorang daripada mereka iaitu ibu, bapa atau penjaga. Bermakna salah seorang daripada mereka berhak untuk menentukan agama yang boleh di anuti oleh anak-anak mereka.
- vi. Keputusan Mahkamah Rayuan ini bersesuaian dengan keputusan Mahkamah Persekutuan didalam kes Teoh Eng Huat v. MAIK [1990] MLJ 300.
- vii. Bahawa dasar “common religion” ini hanya berteraskan kepada anggapan bahawa kanak-kanak itu dianggap menganut agama ibu-bapanya semasa dilahirkan, dan tanggapan itu termansuh dengan sendirinya apabila kanak-kanak itu mencapai umur 18 tahun di mana di waktu itu sebagai seseorang yang sudah cukup umur kanak-kanak itu mempunyai hak untuk menentukan agama pilihannya. Sudah tentu dasar seperti ini bercanggah dengan hukum syara’ kerana seseorang kanak-kanak Muslim itu dianggap kekal Muslim apabila mencapai umur aqil baligh melainkan diisytiharkan murtad oleh mana-mana Hakim syarie yang melaksanakan undang-undang Islam.
- viii. Dasar ini juga akan menyebabkan pasangan yang memeluk Islam itu terikat kepada sistem perundangan yang bukan Islam dan ini bercanggah sama sekali dengan hukun syara dan juga Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan yang menjamin dan kebebasan mana-mana warganegara menganut dan mengamal agama pilihannya, bermakna apabila beliau memilih Islam maka beliau berhak untuk dibicarakan di Mahkamah Syariah menurut undang-undang munakahat Islam;
- ix. Dasar yang diputuskan oleh kabinet termasuk mengarahkan kes-kes seumpama di atas dibicarakan di Mahkamah Sivil dan melaksanakan dasar “common religion” akan menyebabkan kepada percanggahan dengan hukun syara, bercanggah dengan Artikel 11, Artikel 12, Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan dan bercanggah dengan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Persekutuan dan lain-lain.

(Perdana Menteri)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2009</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.61	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) Bagi Tahun 2008.	22 Jun 2009
ST.62	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) Bagi Tahun 2008.	22 Jun 2009
ST.63	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) Bagi Tahun 2008.	22 Jun 2009
ST.64	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) Bagi Tahun 2008.	22 Jun 2009

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

TARIKH UCAPAN DIBUAT	AHLI YANG BERUCAP	TAJUK UCAPAN	MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB
1. 22.6.2009 (Isnin)	1. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy (Batu Kawan)	1. Kerajaan Barisan Nasional sering bangga bahawa proses Pembangunan Negara sedang menuju ke arah Negara maju.	1. Menteri Kerja Raya
2. 22.6.2009 (Isnin)	2. Tuan Mohd Firdaus Jaafar (Jerai)	2. Perhebat perlu diperluaskan ke seluruh Negara.	2. Menteri Pertahanan